

Di sekeliling Muktamar al-'Alam al-Islami di Karachi.

KUATKAN SEMANGAT DAN BERSIHKANLAH JIWA ORANG-ORANG ISLAM

Di bawah ini kita peturunkan ucapan Sahib As-Samahah Al-Haji Amin Al-Husseini Mufti Besar Palestin sebagai Pengerusi Persidangan Muktamar al-'Alam Al-Islami yang diadakan di Karachi pada 9 Februari 1951 di dalam mana beliau telah mengadakan seruan supaya umat Islam bekerja keras mencapai kesatuan Islam menurut perintah Allah iaitu: "Bangsa ini hanya sanya satu sahaja." Beliau menyebut juga di dalam ucapannya itu tujuh fasal yang sangat mustahak yang patut dikaji oleh tiap-tiap sendi masyarakat Islam bagi mencapai tujuan-tujuan yang utama untuk membaiki dan menghalusi perihal dan kedudukannya pada masa yang akan datang supaya Islam bangkit semula yang akan membawa keadilan di dalam serba-serbi maknanya dengan tidak syak lagi. Perhatilah ucapan beliau yang dipeturunkan di bawah ini dengan saksama mudah-mudahan memberi manfaat kepada kita:-



*Sahib As-Samahah Al-Haji Amin
Al-Husseini Mufti Palestin Pengerusi
Muktamar Al-'Alam Al-Islami*

BERLAKU ADIL DAN SAKSAMA

-----*-----*-----

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji bagi Allah yang telah berfirman dengan sebaik-baik perkataan: "Kamu harus berbahas di antara kamu sendiri apa yang baik dan yang berkebaikan" dan selawat dan salam ke atas junjungan kita nabi Muhammad (SAW).

Adalah sangat-sangat menyukakan hati kita bahawa muktamar ini diadakan dalam ibu negeri Islam ynag muda itu iaitu Pakistan persidangan ini diadakan dengan tujuan hendak menyatukan ikhwanul Muslimin dari segala ceruk rantau dunia Islam, supaya mereka mengetahui dan bertukar-bertukar fikiran di antara satu dengan lainnya dan bekerjasama pada mencapai amalan-amalan yang baik dan membuat kebajikan; supaya mereka dapat memajukan kebajikan dan maslahat dengan nur al-Islam dan dengan mutiara-mutiara yang bercemerlang dari Al-Quran Al-Karim. Quran telah meramukan ubatan yang boleh menyembuhkan segala

penyakit yang harus menimpa ke atas manusia dan di segala tempat.

Dari mimbar ini saya mendoakan bagi arwah penganjur besar Pakistan Almarhum Kaadul Azim Muhammad Ali Janah dan saudara-saudaranya yang berjasa dan korban-korban di Pakistan, Indonesia, Afghanistan, Malaya, Mesir, Sudan, China, Turkistan, Negeri Arab, Afrika Utara, Balkan, Kuwait, Palestin dan lain-lain negeri yang mempertahankan Sabil al-Islam, telah mengorbankan jiwa mereka sendiri.

Demikian juga saya melafazkan ucapan terima kasih dan syukur kepada pihak yang mengadakan muktamar ini kerana kerjanya yang baik dan khidmat-khidmatnya yang mulia juga saya melafazkan terima kasih kepada kerajaan Pakistan kerana bantuan mereka kepada muktamar ini dan kerana kebenaran yang diberikan oleh mereka kepada pihak yang mengadakan muktamar ini kerana diadakan di ibu negeri mereka sesungguhnya orang-orang Islam seluruh dunia memandang kepada negeri yang muda lagi berkemajuan ini iaitu Pakistan dan kepada lain-lain negeri

Islam kerana mencapai cita-cita mereka yang besar dan saya berharap bahawa mereka semua akan bekerja kerana mencapai kesatuan, kerjasama dan kemajuan supaya mereka boleh menyelamatkan umat-umat mereka khususnya dan orang-orang Islam amnya daripada kehinaan dan kemalangan yang telah menimpa orang-orang Islam di Spain pada masa yang telah lalu dan di Palestin pada masa ini.

Palestin itu ialah kiblat Islam yang pertama, itulah juga tanah Isra' dan Mikraj, itulah juga tempat syahid-syahid yang dahulu kala dan yang sekarang juga dan apa yang telah menimpa Palestin itu adalah ditakuti akan menimpa negeri-negeri Islam, lepas satu, satu, menurut cita-cita penjajahan yang telah dirancang terlebih dahulu untuk membinasa dan menghapuskan orang-orang Islam. Ini ialah suatu pelajaran bagi orang-orang yang ada otak untuk mempelajarinya.


Tidak syak lagi bahawa kejatuhan dan kemalangan yang telah menimpa orang-orang Islam itu adalah disebabkan oleh kelemahan kepercayaan mereka. Tiada tetap hati mereka dan tiada cecal atas kezaman, demikian juga keengganan dan kelemahan mereka pada memodalkan usaha-usaha dan kerja-kerja yang baik yang ditujukan pada meninggikan kemajuan dan kekuatan mereka.

“Sifat tamak adalah menipu diri sendiri, Tuhan Maha Kaya tetapi adalah fakir”; oleh itu orang-orang Islam mundur dan jadi hina: mereka dihina oleh musuh-musuh mereka dan sungguhpun bilangan mereka banyak dan kekayaan mereka besar tetapi mereka telah hilang kekuasaan mereka. Suatu contoh yang baik yang ditunjukkan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) apabila ia bersabda: “Orang akan menyerbu kepada kamu seperti orang-orang kebulur menyerbu kepada makanan mereka” dan nabi kita telah ditanya. Adakah yang demikian itu kerana kita sedikit bilangannya, kemudian ia bersabda: “Tidak kamu akan menjadi banyak apabila kamu dipegang oleh kelemahan maka kamu akan

menjadi tidak berkesan sebagaimana boleh dalam suatu arus”. Mereka telah bertanya lagi: “Apakah kelemahan itu ya Rasulullah?” dan ia menjawab: “Kelemahan itu ialah cinta kepada kehidupan dunia dan benci kepada mati.”

Wahai Ikhwanul Muslimin! Adalah kewajiban orang-orang Islam mengadakan muktamar-muktamar dengan tujuan merundingkan masalah-masalah yang sama dan yang mengenai kerjasama dan mengadakan skim-skim yang boleh dikerjakan iaitu yang boleh menentukan keselamatan dan kemajuan orang-orang Islam dan muktamar ini adalah merayakan perhubungan-perhubungan Islam seluruh dunia.

Bagi umat yang begitu besar dan mempunyai negeri yang besar-besar perolehan-perolehan yang kaya, pusat-pusat ketenteraan yang kuat dan dengan tawarikh yang gilang gemilang dan kebudayaan yang hidup dan lebih-lebih lagi mempunyai agama yang maha tinggi – ini semua ialah wasitah yang memandu kepada kebenaran dan ibadat yang menentukan kesenangan pengikut-pengikutnya pada masa sekarang dan di akhirat kelak – orang-orang Islam hendaklah bangun dan membuang angan-angan mereka, mereka mestilah menghadapi kebenaran dan ikut jalan yang sebenar iaitu jalan yang mereka telah lalui dahulu untuk mengelakkan diri daripada bahaya-bahaya dan mengambil kedudukan mereka yang hak dan mencapai bahagian mereka daripada kemegahan, kehormatan dan kemakmuran. Mereka mestilah berazam kuat dan menyediakan kekuatan kerana berbuat demikian.



Persidangan Sukarno tatkala singgah di Labuan di dalam perjalanan beliau melawat ke Manila sedikit masa lalu – gambar kiriman.

Bahaya-bahaya yang menghadapi orang-orang Islam daripada segenap ceruk dan rantau hari ini adalah mengugat akan wujudnya Islam. Dijauhkan Allah daripada yang demikian! Bahaya-bahaya itu tersusun dan dirancang lebih dahulu oleh musuh-musuh Islam yang telah mengalahkan Daulah Uthmaniah (Empayar Uhtman) dan khalifah Islam dan yang telah menghancurkan empayar Moghul Islam. Cita-cita mereka belum lagi habis kerana lepas berlaku kemalangan ke atas Palestin mereka menjalankan lagi pakatan jahat mereka ke atas negeri-negeri yang berjiran.

Orang-orang Yahudi adalah bekerjasama dengan rapat dengan kuasa-kuasa penjajah menjalankan cadangan-cadangan mereka yang jahat itu. Kuasa-kuasa penjajah telah menghasakkan baji ke dalam negeri-negeri Islam kerana hendak membinasakan Islam dan memporakkan (memisahkan) negeri-negeri Islam di Asia daripada negeri-negeri Islam di Afrika. Sifat tamak Yahudi itu tidak hanya berhenti di situ sahaja. Mereka sedang menuntut dan tidak putus-putus bekerja kerana hendak menduduki utara Hijjaz seperti Tahamah dan Khibir dan lain-lain tempat di sekeliling Madinah seperti Bani Quraizah dan Bani An-Nadir dengan berkata bahawa tempat-tempat ini dipunyai oleh mereka dahulu. Mereka telah berbuat lebih daripada itu iaitu seorang daripada penganjur mereka telah menyiarkan suatu makalah di dalam sebuah akhbar Amerika yang masyhur menggalakkan orang-orang Yahudi menubuhkan suatu tanda pelanggaran kerana hendak menduduki Madinah.

Oleh itu tuan-tuan akan nampak bahawa tempat-tempat agama Islam, bukan hanya Palestin bahkan juga dalam Hijjaz, adalah menghadapi bahaya yang amat besar dan bahawa musuh-musuh Islam adalah sedang mencuba dengan segala daya upaya hendak menghapuskan Islam.

Oleh itu Islam mestilah banyak mengambil ikhtiar daripada apa yang telah berlaku di Palestin dan hendaklah mengumpulkan kekuatan dan keazaman daripada kejadian yang malang itu yang mana hendaklah mereka jangan putus asa kerana yang putus asa itu ialah orang-orang yang kafir daripada rahmat Allah.

Orang-orang Islam hendaklah mencuba menyelamatkan Palestin daripada aliran-aliran yang membahayakan, iaitu aliran-aliran yang menyerupai tipu muslihat kejahatan musuh-musuh dan yang sedang mengambil faedah daripada kemalangan itu. Masalah Palestin mestilah diletakkan kepada tangan orang-orang yang setia yang berhak kepadanya. Dan dunia Islam hendaklah bekerjasama menebusnya balik, kerana kehilangan tanah air suci ini akan menggalakkan musuh merempuh masuk ke dalam negeri-negeri Islam yang lain.

Sebagai penutup saya syorkan kepada perjumpaan yang mulia ini supaya memandu orang-orang Islam kepada yang berikut:-

(1) Menguatkan semangat dan membersihkan jiwa orang-orang Islam. Menghidupkan melalui agamanya dengan memasukkan ajaran-ajaran Islam ke dalam otak dan dengan menyediakan diri kerana berkorban; dengan berkorban diri dan harta; dengan berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam yang mulia; dengan mengajar ajaran-ajaran Islam di sekolah-sekolah dan di rumah; dengan membuang semangat putus asa dan putus harapan.



Puteri Fauziah bekas Permaisuri Iran yang cantik itu ialah adinda kepada Al-Malik Farouk Raja Mesir. Tuan Puteri Fauziah dalam gambar ini sedang melawat suatu pertunjukan yang diadakan di Mesir. Perhatikan manakah yang cantik adakah Permaisuri Iran yang baharu atau bekas Permaisuri yang tertera di atas ini – terpulung kepada mata masing-masing pembaca!

(2) Bekerja kerana mencapai kesatuan Islam menurut perintah Allah iaitu : “Bangsa ini hanya sanya satu.”

merapatkan diri satu kepada yang lain dan bersatu kerana mempertahankan Islam. Ajaran-ajaran Islam dan tanah-tanah suci Islam. Keterangan-keterangan telah menunjukkan bahawa pada zaman kita ini tidak seorang pun tahan menghadapi masalah-masalah kehidupan dengan tidak menubuhkan suatu binaan. Kerana satu-satu bangsa tidak boleh hidup dengan bersendirian dan hendaklah tiap-tiap seorang mengetahui bahawa jika orang-orang Islam bekerjasama di antara mereka itu, menggunakan kekuatan mereka dan bersatu di dalam satu binaan mereka, tidak pula bermakna bahawa mereka berbuat demikian kerana cita-cita hendak menyerang – tetapi ialah kerana mempertahankan diri dengan halal dan kerana keamatan yang sama. Islam ialah suatu agama belas kasihan dan aman yang dengannya disuruhnya kita memulakan kerja-kerja kita dan sembahyang-sembahyang kita dengan perkataan-perkataan “Dengan nama Allah Yang Maha Murah dan Maha Pengasih” dan menamatkannya dengan doa kerana keamanan dan kebajikan. Ucapan-ucapan selamat bagi orang-orang Islam mengenai keamanan iaitu berlain dengan ucapan lain bangsa. Oleh itu adalah kerana kebajikan manusia amnya dan kerana mencapai keamanan sedunia maka kita orang-orang Islam hendaklah bersatu dan mengadakan suatu binaan bagi diri kita sendiri mengikut perintah Allah.”

Bekerjasamalah di antara kamu pada kebajikan dan ibadat dan bukannya kerana mungkar dan kecerobohan.

(3) Menyeru kepada persaudaraan Islam, mengikut perintah Allah “Orang-orang Mukmin itu bersaudara. Oleh itu kita patut menyeru kerana bekerjasama di antara orang-orang Islam dalam segala perkara-perkara mereka berkenaan dengan iktisad, masyarakat dan pertahanan.

(4) Menyeru orang-orang Islam supaya adil dan saksama dalam segala hal dan menjalankan keadilan masyarakat; memelihara peladang-peladang pekerja-pekerja dan orang-orang miskin; menghapuskan sekatan-sekatan masyarakat dan warna mengikut perintah Allah: “Sanya yang lebih mulia di antara kamu ialah yang lebih takwanya kepada Allah.”

(5) Menyeru orang-orang Islam mengeluarkan kebolehan-kebolehan bagi menolong mereka membina kekuatan mereka dan menyegerakan kesedaran-kesedaran yang sebenar; menggalakkan orang-orang yang kaya di antara

mereka mengeluarkan wang kerana menghebahkan ajaran-ajaran Islam dan agama Allah; menggalakkan orang-orang Islam supaya hidup sederhana dalam segala hal kerana Islam melarang hidup berlebih-lebihan dan lain-lain kelakuan yang boleh melemahkan akhlak.

(6) Bahawa muktamar ini hendaklah mengambil tahu akan orang-orang Islam yang tertindih walau di mana jua; mengambil tahu berkenaan dengan masalah-masalah mereka dan menolong mereka dengan jalan nasihat atau kebendaan.

(7) Bahawa muktamar ini hendaklah menubuhkan suatu pertubuhan yang berkesan yang akan mengambil tahu akan segala masalah orang-orang Islam dan memberi perkhidmatan yang dikehendaki oleh mereka dalam segala hal yang mengenai masalah-masalah dan kebajikan orang-orang Islam.

Adalah diperintah bahawa tuan-tuan semua hendaklah mencari kehidupan yang mulia yang menyukakan dan yang tinggi martabatnya. Hendaklah tuan-tuan berpegang teguh kepada talinya. (Hablullah) dan penuhilah hati tuan-tuan dengan cahaya agamanya dan dengan sinaran ibadatnya. Tuhan akan memperbaiki keadaan tuan-tuan dan memandu tuan-tuan kepada kemenangannya.

Penderitaan Hidup!!

Ditegah benar-benar digunakan oleh bujang

(1) Makjun permaisuri sehabis hairan dengan lekas mengembalikan bikir (dara), menjalankan haid dengan tetap sedang harganya sebotol besar \$6.50 – bersih pos.

(2) Makjun Tajul Rijal mengembalikan kekuatan syahwat dan menambahkan segala-galanya. Perempuan boleh juga memakannya. Sebotol besar \$7.50 botol tiga suku \$6.00 bersih kelas (A)

(3) Cinta Ajaib ubat lazat yang asli mendatangkan keriaan. Sebotol \$2.50

C. MOHD. BIN ABD. RAHMAN

NO.216, KEDAI PAYANG,

TERENGGANU.

ATAU NO.154A & 155A, MARANG,

TERENGGANU.

Di Singapura: A.Hashim 134 Arab Street